

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bersimpati dengan pelajar luar bandar seperti Veveonah yang menghadapi masalah kekurangan internet. Apakah Langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar.

Kementerian sangat bersimpati dengan cabaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di kawasan pedalaman seperti yang berlaku kepada Veveonah Mosibin. Bagi menangani isu yang dibangkitkan, pihak SKMM telah membuat tinjauan di Kampung Sapatalang di Pitas dan hasil tinjauan tersebut mendapati terdapat sebuah menara komunikasi yang memberikan liputan 2G dan 3G oleh syarikat penyedia perkhidmatan

## SOALAN NO : 41

seperti Maxis, Celcom dan DiGi yang berada dalam lingkungan 1.1 kilometer daripada kampung pelajar berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, buat masa ini, Kampung Sapatalang tidak dapat menerima liputan jalur lebar mudah alih yang baik daripada menara sedia ada berikutan faktor geografi kawasan berkenaan yang berbukit bukau. Perkara ini telah dikaji oleh pihak SKMM bagi perancangan menara baharu yang sedang berjalan dan penaiktarafan kepada teknologi 4G di menara sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Telekom Malaysia (TM) pula telah menaiktaraf rangkaian gentian optik ke Pusat Internet Komuniti (PIK) Kampung Pingga-Pingga yang terletak berhampiran dengan Kampung Sapatalang dengan kelajuan sehingga 300Mbps. PIK ini dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat dan para pelajar seperti Veveonah untuk mengakses internet secara kolektif termasuk pembelajaran secara atas talian.

Selain itu, pihak SKMM juga sedang membina sebuah menara komunikasi baharu di Kampung Bilangau Kecil yang terletak berhampiran dengan Kampung Sapatalang dan dijangka siap menjelang suku kedua 2021.